



KENYATAAN SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA NO: MAQIS.(S)400-10/12/74)

JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempoh bagi menyertai sebut harga seperti berikut:-

No. Sebut Harga	Perihal Kerja	Kelayakan	Tarikh Iklan Dan Tutup Sebut Harga
MAQIS.(S)400-10/12/74	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN UBAHSUAI RUANG PEJABAT JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA, ARAS 3, PODIUM 1B, MENARA 4G1, WISMA TANI	<p>a) Terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang beralamat di Wilayah Persekutuan Putrajaya sahaja dibenarkan menyertai kerja-kerja sebut harga ini.</p> <p>b) Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB dalam Gred G2, Kategori B28 dan CE21 yang masih sah tempoh.</p> <p>c) Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah tempoh.</p>	<p>a) Iklan dibuka pada 20 Jun 2025</p> <p>b) Iklan ditutup pada 2 Julai 2025</p> <p>Taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada 25 Jun 2025 (Rabu) jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat BKP MAQIS, Aras 3, Podium 1B, Menara 4G1, Wisma Tani.</p> <p>Pendaftaran untuk taklimat dibuka sehingga jam 9.59 pagi sahaja. Pendaftaran yang lewat dari masa ditetapkan tidak akan disenaraikan dalam senarai kehadiran.</p> <p style="text-align: center;">TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN</p>

1. Dokumen-dokumen dan Borang Sebut Harga akan dikeluarkan dengan harga RM10 kepada penyebut harga yang hadir taklimat dan lawatan tapak sahaja dalam bentuk *softcopy* yang dihantar ke alamat e-mel penyebut harga yang didaftar semasa sesi taklimat. Bagi penjelasan lanjut berhubung taklimat, boleh hubungi pegawai MAQIS di talian 03-8870 1972.
2. **Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak dan hanya **PEMILIK SYARIKAT yang DIBENARKAN** dengan mengemukakan Kad Pengenalan untuk pengesahan. Kegagalan mematuhi arahan ini mengakibatkan pihak tuan tidak dibenarkan menyertai tawaran sebut harga ini.
3. Dokumen Sebut Harga mestilah sampai ke alamat **Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Aras 3, Blok Podium 1B, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya** tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 2 Julai 2025 (Rabu) dan hendaklah sah selama Sembilan Puluh (90) hari selepas itu. Sebut harga mestilah dimasukkan dalam sampul surat berlakru ditanda "**SEBUT HARGA NO: MAQIS.(S)400-10/12/74**". Dokumen yang diterima lewat, **tidak akan dipertimbangkan**. Satu (1) penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Tawaran alternatif adalah **tidak dibenarkan dan tidak akan dipertimbangkan**.